

BAB 4

PENYERTAAN KAUM INDIA MALAYSIA DALAM SEKTOR KOPERAT

4.0. Pengenalan

Matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru adalah pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dari segi penyusunan semula masyarakat, kerajaan telah menetapkan matlamat untuk membahagikan semula pemilikan saham modal dalam syarikat berhad daripada nisbah 2.4: 34.3: 63.3 (Bumiputera: Bukan-Bumiputera: Asing) dalam tahun 1970 kepada 30: 40: 30: pada tahun 1990.¹ Masyarakat India ditetapkan akan meningkat daripada 1 peratus dalam tahun 1970 kepada 10 peratus dalam tahun 1990.

Ketidakseimbangan hakmilik dalam sektor syarikat ini mula wujud selepas kedatangan penjajah lebih seratus tahun dahulu. Penjajah melalui sistem ekonomi penjajahan (colonial economy) telah dibentuk semata-mata untuk memenuhi kepentingan mereka. Ekonomi penjajah adalah terdiri dari estet-estet, lombong-lombong dan perdagangan antarabangsa. Dasar ini juga dikenali sebagai dasar pecah dan perintah (*divide and rule*) di mana masyarakat Melayu melalui kegiatan ekonomi mereka di sektor pertanian dan masyarakat Cina di bandar-bandar yang terlibat dalam sektor perdagangan dan masyarakat India di estet-estet.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada Ogos, 1957 pentadbiran negara terus mengamalkan sistem ekonomi bebas atau *Laissez-faire*. Sistem ekonomi ini adalah persaingan sempurna di antara pengeluar-pengeluar dalam mencari keuntungan maksima. Sistem ekonomi ini telah memberikan kelebihan kepada pihak

¹ Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-80*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1980.

British dan masyarakat Cina yang telah lama bergerak dalam sektor perdagangan. Kaum-kaum lain seperti Melayu dan India tidak dapat bersaing dengan mereka kerana mereka tidak mempunyai kelebihan seperti modal dan kepakaran. Pihak British dan masyarakat Cina terus maju dalam sektor ini dan meninggalkan kaum-kaum lain dari segi pencapaian sosio-ekonomi. Ini adalah kerana sektor pertanian tidak memberikan pulangan yang lumayan jika dibandingkan dengan sektor perdagangan.

Apabila berlakunya peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969, kerajaan mula sedar akan perlunya penglibatan mereka dalam membahagikan kekayaan negara sama rata. Dasar Ekonomi Baru telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Tujuan DEB adalah untuk mewujudkan peluang-peluang yang memadai dengan satu pembahagian pembangunan atau kekayaan negara yang lebih adil kepada semua kaum. Ini terutamanya terhadap mereka yang kurang menerima keuntungan daripada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui DEB, kerajaan mula campurtangan dalam mempertingkatkan hakmilik bumiputera dalam sektor perdagangan. Campurtangan kerajaan adalah penting untuk menjaga kepentingan golongan yang tidak mempunyai kelebihan dalam menghadapi sistem ekonomi bebas atau kapatalis.

Dua aspek dalam DEB dari segi penyusunan semula masyarakat, adalah untuk mencapai keseimbangan etnik dalam berbagai bidang pekerjaan dan menambahkan bahagian Bumiputra yang kecil dalam penguasaan kekayaan negara ke satu tahap yang menghampiri nisbah penduduk mengikut kaum. Oleh kerana bilangan ahli-ahli perniagaan Bumiputra kurang maka kerajaan melalui dasar-dasarnya membantu pengusaha-pengusaha ini untuk maju dalam bidang perniagaan. Pelbagai bantuan telah diberikan kepada ahli-ahli perniagaan Bumiputra untuk maju dan dapat bersaing dengan kaum lain. Ini adalah kerana kerajaan merasakan mereka perlu campurtangan dalam membantu kaum Bumiputra terutamanya dalam bidang-bidang perniagaan. Jika dibiarkan sistem ekonomi persaingan bebas memainkan peranannya, kaum Bumiputra akan terus ketinggalan.

Melalui DEB, kerajaan telah menubuhkan banyak perusahaan awam yang bertindak sebagai agensi amanah bagi pihak Bumiputera menerusi penglibatan aktif kerajaan dalam aktiviti bercorak komersial dan perindustrian buat jangkamasa tertentu sehingga Bumiputera bersedia untuk bersaing bersendirian. Di antara agensi yang telah berjaya dalam memainkan peranan mereka adalah seperti Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Urban Development Authority (UDA), Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) dan lain-lain agensi-agensi kerajaan.

Oleh kerana kerajaan hanya mementingkan pembangunan kaum Bumiputra sahaja maka kaum India terus tidak diberi perhatian dalam rancangan-rancangan pembangunan mereka terutamanya dalam pembahagian kekayaan negara secara adil. Masyarakat India seperti Bumiputra juga ketinggalan dari segi persaingan dalam perniagaan. Ini disebabkan oleh dasar penjajah semasa zaman pemerintahan penjajah di mana masyarakat Melayu dibiarkan di bidang pertanian dan masyarakat India diestet jika dibandingkan dengan masyarakat Cina. Walaupun negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kebanyakan daripada masyarakat India masih tinggal di estet-estet. Kaum India tidak dapat bersaing dengan kaum Cina dalam sektor perdagangan kerana kaum Cina telah lama bergiat dalam bidang tersebut. Kaum India terus memainkan peranan ekonomi mereka tanpa bantuan sepenuhnya daripada kerajaan. Ini menyebabkan selepas tamatnya tempoh pelaksanaan DEB mereka terus ketinggalan dalam sektor koperat jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain.

Dalam Bab I telah dinyatakan selepas 20 tahun perlaksanaan DEB, didapati masyarakat India masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain di negara ini secara relatif kepada pertumbuhan penduduk dan ekonomi negara. Ini dapat dilihat melalui pemilikan ekuiti mereka yang masih kekal pada paras satu

peratus selepas pelaksanaan DEB iaitu angka yang sama sebelum DEB dilancarkan.

Malah menurut Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara, "...*pemilikan ekuiti kaum India tidak bertambah sejak tahun 1970 dan kekal didalam lingkungan 1% sahaja daripada jumlah saham di sektor koperat, langkah khusus perlu diambil untuk memperbaiki keadaan ini.*"² Hakmilik ekuiti yang rendah ini tidak bermakna kepada masyarakat India kerana mereka ketinggalan di dalam menikmati bahagian kekayaan negara. Hakmilik ekuiti 1 peratus bermakna masyarakat India tidak mencapai peningkatan dalam sosio-ekonomi mereka.

Bab ini akan melihat struktur penyusunan semula sektor koperat, penglibatan masyarakat India dalam sektor koperat dan seterusnya mengkaji faktor-faktor penting berhubung dengan penyertaan kaum India dalam penyertaan ekuiti sektor koperat. Perbincangan ini adalah berdasarkan kepada persoalan mengapakah penyertaan kaum India dalam pemilikan ekuiti kaum India masih kekal kepada 1 peratus selepas perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Kajian akan dibuat untuk melihat mengapa masyarakat India tidak dapat meningkatkan pemilikan ekuiti mereka dalam tempoh perlaksanaan DEB. Di antara faktor-faktor yang akan dibincangkan adalah seperti pendapatan, pekerjaan, pendidikan dan latar belakang sosio-ekonomi atau siapakah yang selalunya melabur. Adalah didapati semua faktor -faktor itu saling berkaitan. Latar belakang sosio-ekonomi yang rendah menyebabkan mereka tidak mendapat peluang-peluang pendidikan yang sempurna. Pendidikan tidak sempurna menyebabkan berlaku keciciran, pencapaian akademik yang rendah dan menghadkan peluang melanjutkan pelajaran. Tanpa pencapaian pendidikan yang baik menyebabkan mereka tidak mendapat pekerjaan yang baik. Upah yang diperolehi bergantung kepada tahap pendidikan dan skil yang diperolehi. Ini menyebabkan mereka kekal miskin dan tidak

² Malaysia, *Dasar Ekonomi Untuk Pembangunan Negara: Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara*, Jabatan percetakan Negara, 1991, Kuala Lumpur, ms. 238.

berpeluang bersaing dengan kaum-kaum lain. Hasilnya mereka tidak dapat mempunyai simpanan yang mencukupi dan tidak dapat bersaing dalam pemilikan saham.

4.1. Penyusunan Semula Sektor Koperat

Objektif kedua Dasar Ekonomi Baru (DEB) ialah penyusunan semula masyarakat melalui penghapusan pengkhususan fungsi ekonomi mengikut kaum. Penyusunan semula ekuiti koperat merupakan salah satu daripada alat yang digunakan untuk mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama. Kerajaan melalui dasar-dasarnya telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan pemilikan modal saham tanpa mengira kaum. Kerajaan memberikan tumpuan yang lebih terhadap meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pertanian, perlombongan, perdagangan dan industri moden di mana penyertaan mereka dalam bidang ini adalah rendah sebelum DEB.

Proses penyusunan semula masyarakat meliputi aspek-aspek ekuiti dan gunatenaga serta pembentukan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Sementara itu, penyusunan semula hakmilik harta adalah meliputi kesemua harta-harta kewangan dan fiskal, termasuk tanah, dalam semua sektor ekonomi. Walau bagaimanapun, apabila ekonomi berkembang dan bertambah moden peranan sektor syarikat telah bertambah dengan struktur kewangan negara menjadi lebih maju dan seterusnya menjadi cara utama untuk memiliki dan menguasai harta kekayaan menerusi pemilikan modal saham.

Kerajaan dalam matlamatnya telah menyatakan bahawa menjelang tahun 1990, rakyat Malaysia akan memiliki kira-kira 70 peratus dari jumlah modal saham dalam syarikat-syarikat berhad, dengan Bumiputera memegang sekurang-kurang 30 peratus dan rakyat Malaysia yang lain sebanyak 40 peratus. Bakinya akan dimiliki

oleh kepentingan asing. Bagi kaum India telah ditetapkan sebanyak 10 peratus menjelang 1990. Ini adalah diharap dapat dicapai melalui perkembangan ekonomi negara.

Kemelesetan ekonomi yang melanda dunia pada awal tahun 1980an dan kemudiannya dirasai sepenuhnya oleh ekonomi Malaysia pada tahun pertengahan tahun 1980an telah menyebabkan kerajaan terpaksa mengurangkan peruntukan kewangan dalam membantu program penyusunan semula masyarakat. Jadual 4.1 menunjukkan peruntukan kewangan kerajaan daripada sumber-sumber sektor awam untuk membantu program penyusunan semula masyarakat. Dalam tahun 1986, daripada jumlah keseluruhan peruntukan, lebih daripada 50 peratus telah diperuntukan untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera memperolehi pinjaman perniagaan, ruang niaga dan ekuiti. Peruntukan untuk pendidikan dan latihan adalah sebanyak 27 peratus. Kemelesetan ekonomi telah menyebabkan kerajaan mengurangkan peruntukan kewangan untuk membantu program penyusunan semula masyarakat dan keadaan ini telah menjaskan kemajuan seperti yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelima.³ Kerajaan telah mengurangkan peruntukan Rancangan Malaysia Kelima daripada kira-kira RM4.2 ribu juta untuk program penyusunan semula kepada RM2.7 ribu juta seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Peruntukan asal sebanyak RM1.6 ribu juta bagi pinjaman dan ruang niaga telah dikurangkan sebanyak 57 peratus. Peruntukan bagi tujuan pemilikan modal saham serta pelaburan baru telah berkurang sebanyak 42 peratus.⁴ Walau bagaimanapun, peruntukan bagi program pendidikan dan latihan ditambah menjadi RM1,400 juta. Sebahagian besar daripadanya adalah dikhaskan untuk skim biasiswa dan pinjaman dibawah MARA. Kerajaan mengurangkan peruntukan kerana memandangkan sumber kewangan sektor awam yang terhad dan mereka berharap

³ Malaysia, *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1989, ms. 78.

⁴ Ibid.

agensi-agensi yang bertanggungjawab serta usahawan dan perniagaan-perniagaan Bumiputera secara menyeluruh perlulah lebih berdaya tahan.⁵

Jadual 4.1
Malaysia: Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Bagi Penyusunan Semula Masyarakat, 1986-1990

Program	Peruntukan asal (RM juta)	%	Peruntukan dipinda (RM juta)	%
<i>Pinjaman perniagaan dan ruang niaga</i>	<i>1,620.47</i>	<i>38.9</i>	<i>700.71</i>	<i>25.9</i>
MARA	351.71		140.51	
UDA	286.96		120.96	
BPMB	350.68		172.00	
MIDF	20.00		20.00	
PKEN-PKEN	567.12		206.66	
PERNAS	4.00		4.00	
Unit Penyelaras Perlaksanaan	40.00		36.58	
<i>Pendidikan dan latihan</i>	<i>1,137.72</i>	<i>27.1</i>	<i>1,394.43</i>	<i>51.4</i>
ITM	225.21		163.70	
IKM	155.95		172.58	
Latihan Perdagangan MARA	13.00		8.00	
Pinjaman/biasiswa MARA	690.00		996.72	
Pusat Latihan Belia	28.56		53.43	
Belia Peladang	8.00		-	
Belianiaga	17.00		-	
<i>Ekuiti</i>	<i>523.44</i>	<i>12.4</i>	<i>301.70</i>	<i>11.1</i>
PERNAS	208.10		105.80	
Yayasan Pelaburan B'Putra	178.00		178.00	
PKEN-PKEN	87.64		5.60	
FIMA	49.70		12.30	
<i>Lain-lain</i>	<i>920.00</i>	<i>21.9</i>	<i>314.81</i>	<i>11.6</i>
Jumlah	4,201.63¹	100.00	2,711.65	100.0

Sumber: Kerajaan Malaysia, *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1989. Jadual 3.13.

Nota: ¹ Angka ini berbeza dengan peruntukan asal RML sebanyak RM5,076.13 juta kerana tidak termasuk peruntukan PABK.

⁵ Ibid.

Dalam usaha kerajaan untuk mewujudkan MPPB, langkah-langkah yang diambil meliputi aspek pengawalan dalam pemberian lesen dan mengenakan kuota sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan juga Akta Penyelaras Perindustrian (ICA). Keutamaan juga diberikan kepada Bumiputera dalam pembangunan sumber manusia di semua institusi kerajaan dan juga pemberian kontrak-kontrak kerajaan, khususnya untuk projek-projek kecil yang berharga kurang daripada RM50,000. Usaha-usaha kerajaan ini telah menyebabkan rakyat Malaysia yang lain tidak mendapat peluang-peluang yang diwujudkan melalui dasar-dasar kerajaan antara lain mengamalkan kuota, pemberian lesen, pekerjaan, perumahan, dasar pendidikan, tanah dan lain-lain.

Dasar kewangan negara telah menetapkan beberapa garis panduan mengenai pemberian pinjaman yang menggalakkan institusi kewangan memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Ini adalah untuk memastikan supaya mereka memperolehi kemudahan kewangan pada kadar faedah yang berpatutan. Kemudahan kredit yang lain seperti tabung-tabung khas juga telah diperkenalkan untuk membantu penyertaan Bumiputera di dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

Institusi-institusi seperti PNB, PERNAS, MARA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan lain-lain bertindak sebagai mengumpulkan tabungan Bumiputera dan menyalurkan ke dalam pelaburan yang produktif, menujuhkan syarikat-syarikat perdagangan untuk membantu usahawan Bumiputera, mempertingkatkan pemilikan ekuiti di dalam sektor koperat bagi pihak masyarakat Bumiputera, menyediakan kemudahan latihan dan pelajaran untuk meningkatkan keupayaan sumber tenaga Bumiputera dan menyediakan khidmat nasihat untuk usahawan Bumiputera.

Kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang besar daripada sumber-sumber awam dalam proses untuk meningkatkan hakmilik modal Bumiputera dan ini telah menyebabkan wujudnya ramai kelas-kelas menengah Melayu yang bergiat dalam perniagaan. Banyak kritikan telah dibuat kerana kerajaan hanya mementingkan untuk meningkatkan segolongan kecil usahawan-usahawan baru jika dibandingkan dengan sejumlah besar penduduk Bumiputera. Salah seorang penganalisa seperti Jomo, menyatakan bahawa DEB adalah alat kerajaan untuk memperkayakan kelas menengah Bumiputera. Beliau seterusnya menyatakan: "*the prime beneficiaries and advocates of the NEP are drawn from the ranks of the politically well-connected in the Malay middle class and business communities who exercise an inordinate influence on government policy-making and implementation.*"⁶

Walaupun banyak kritikan telah dibuat terhadap DEB, tidak boleh dinafikan bahawa DEB telah berjaya melahirkan ramai kelas usahawan Bumiputera dan ahli-ahli profesional dan pengurusan Bumiputera yang telah mengisi jawatan-jawatan tinggi di sektor korporat. Ini ditambah pula dengan perkembangan ekonomi negara lebih daripada lapan peratus setahun selama tujuh tahun berturut-turut telah menyebabkan wujudnya banyak peluang-peluang untuk pelaburan dan perkembangan perniagaan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa perlaksanaan berbagai program penyusunan semula telah dapat menambahkan bilangan syarikat yang dimiliki oleh Bumiputera.

4.1.1 Penyusunan Semula Hakmilik Modal Saham

Terdapat beberapa kaedah untuk menilai ekuiti koperat dan di antaranya termasuk nilai par, harga pasaran dan "net tangible assets". Bagaimanapun penilaian

⁶ Jomo, K.S. *Beyond 1990: Considerations for the New National Development Strategy*, Institute of Advanced Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1989.

ekuiti koperat seperti yang dilakukan oleh Unit Penyelidikan Ekonomi adalah berasaskan kepada "nilai par".

Dalam tahun 1970, 62 peratus daripada keseluruhan aset-aset koperat dimiliki oleh rakyat asing, 34 peratus oleh bukan bumiputera dan 4 peratus dimiliki oleh Bumiputera.⁷ Untuk memastikan ekonomi negara berkembang pesat supaya tidak ada mana-mana kumpulan kaum yang akan merasai kerugian atau merasa ketinggalan⁸, pelaburan besar-besaran telah dilaksanakan terutamanya dalam sektor perindustrian dan pembuatan, penglibatan perusahaan awam dan dasar penswastaan.

Apabila DEB mula diperkenalkan, terdapat sedikit peningkatan dalam hakmilik asing dalam aset syarikat-syarikat di Malaysia terutamanya dalam sektor pembuatan, petroleum dan getah. Selepas itu, DEB mula menampakkan kesannya dalam pengawalan aset-aset melalui penglibatan agensi-agensi kerajaan bagi pihak bumiputera. Pada tahun 1980, taburan hakmilik ekuiti mula menunjukan kesan. Hakmilik asing adalah 43 peratus, bukan Bumiputera adalah 45 peratus dan Bumiputera 12 peratus.⁹ Pada tahun 1985, jumlah aset hakmilik asing telah jatuh kepada 24.9 peratus berbanding dengan 56.5 peratus dalam tahun 1968.¹⁰ Manakala bukan Bumiputera adalah 57 peratus dan Bumiputera 18 peratus¹¹ (sila lihat Jadual 4.2).

Daripada Jadual 4.2, hakmilik perseorangan Bumiputera termasuklah institusi-institusi yang menyalurkan kumpulan wang Bumiputera perseorangan seperti Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), Amanah Saham MARA, koperatif-

⁷ Jomo, K.S. (ed), *Privatising Malaysia: Rents, Rhetoric, Realities*. Westview Press, Colorado, 1995, ms. 14.

⁸ Malaysia, *Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1971, ms. 1.

⁹ Jomo, K.S., 1995, (ed), *Privatising Malaysia*. ms. 14.

¹⁰ Fong Chan Onn, "Malaysian Corporate Economy Restructuring: Progress Since 1970". Kertas dibentangkan pada persidangan Ke IV bertemakan Dasar Ekonomi Baru Dan Masa Depannya pada 24-26 Julai 1989, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, ms. 1.

¹¹ Jomo, K.S., 1995, (ed), *Privatising Malaysia*. ms. 14.

koperatif dan Skim ASN. Segala wang yang ditabung dalam institusi-institusi ini akan dilabur dalam projek-projek yang produktif. Selain daripada itu, saham-saham yang dimiliki melalui institusi-institusi yang dikelaskan sebagai agensi-agensi amanah seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Perbadanan Nasional Berhad (Pernas), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB), Kompleks Kewangan Malaysia Berhad (KKMB) dan Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Berhad (FIMA) adalah termasuk dalam kumpulan Bumiputera.

Peruntukan saham kepada bumiputera telah bermula pada awal tahun 1970an. Ini adalah kerana pemilikan bumiputera dalamkekayaan negara adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan peratus penduduk. DEB telah direkabentuk untuk membolehkan kaum Bumiputera mengawal ekonomi negara dengan berkesan dan mengagihkan kekayaan negara dengan sama rata. Salah satu cara yang dilakukan adalah melalui saham terbitan awam. Kerajaan telah menetapkan bahawa tigapuluhan peratus daripada semua saham-saham baru yang akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur harus diperuntukan kepada kaum Bumiputera.

Saham-saham ini kemudian akan dibahagikan sama ada oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa atau Kementerian Kewangan kepada pelabur-pelabur Bumiputera yang layak. Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang mempunyai kepentingan untuk melakukan pelaburan jangka panjang. Baki daripada saham ini akan dibuka kepada orang-orang awam melalui proses langganan. Orang-orang awam dikehendaki menghantar jumlah saham yang dikehendaki dan deraf bank kepada Malaysian Industrial Development Finance Consultancy and

Jadual 4.2
Malaysia: Hakmilik Modal Saham (Pada Nilai Par) Syarikat-Syarikat Berhad
1970-1990 (RM juta)

	1970	1975	1980	1985	1990
Permatautin Malaysia %	1952.1 36.7	7047.2 46.7	18,493.4 57.1	56,701.5 74.5	80851.9 74.6
Bumiputera %	125.6 2.4	1394.0 9.2	4050.5 12.5	13546.9 17.8	20877.5 19.2
Bumiputera Perseorangan %	84.4 1.6	543.8 2.6	1880.1 5.8	7679.2 10.1	15322.0 14.1
Agensi Amanah Bumiputera %	41.2 0.8	844.2 5.6	2170.4 6.7	5867.7 7.7	5555.5 5.1
Bukan Bumiputera %	1826.5 34.3	5653.2 37.5	14442.9 44.6	43154.6 56.7	59974.4 55.3
Permatautin Asing %	3377.1 63.3	8037.2 53.3	13927.0 42.9	19410.5 25.5	27525.5 25.4
Jumlah %	5329.2 100.0	15084.4 100.0	32420.4 100.0	76112.0 100.0	130909.8 100.0

Sumber:

Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur: Jadual 9-9.

Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur: Jadual 3-14.

Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur: Jadual 3-9.

Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1991.

Corporate Services (MIDFCCS). Di sini saham-saham awam akan diundi dan 30 peratus daripada mereka yang berjaya dalam proses pengundian ini harus terdiri dari Bumiputera. Oleh kerana harga langganan saham yang baru dibuka adalah rendah jika dibandingkan dengan harga pasaran, maka jumlah mereka yang melanggan saham-saham ini adalah melebihi daripada yang diperlukan.

Memang tidak dapat dinafikan dasar ini telah berjaya meningkatkan pemilikan bumiputera dalam syarikat-syarikat yang didaftarkan di Bursa Saham. Kebanyakan daripada kaum berpendapatan rendah telah mendapat keuntungan secara tidak langsung daripada skim ini, melalui pelaburan mereka dalam Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera. Amanah pelaburan ini adalah diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad, yang menerima saham-saham yang diperuntukan untuk Bumiputera.

Statistik-statistik yang diberikan oleh kerajaan terutamanya dalam hakmilik modal saham (pada nilai par) syarikat-syarikat berhad mengikut kaum hanya diberikan sejak tahun 1986.¹² Sebelum ini data-data yang diperolehi adalah pembahagian hakmilik modal saham dalam kategori bumiputera dan bukan-bumiputera. Kaum India menanggung kerugian kerana digolongkan bersama-sama kaum Cina yang jauh lebih maju. Kemajuan kaum Cina disifatkan sebagai kejayaan bagi kaum India juga sedangkan hal sebenarnya ialah kaum India tidak mencapai apa-apa kemajuan pun. Umpamanya, tambahan hak milik ekuiti bukan Bumiputra sebanyak 46.2 peratus itu tidak pun merupakan kejayaan untuk kaum India. Peruntukan kaum India dari hak milik ekuiti itu hanya berjumlah satu peratus sahaja - jumlah inilah juga jumlah ekuiti kaum India pada masa DEB dilancarkan.¹³

Jadual 4.3 menunjukkan pencapaian hakmilik modal saham syarikat berhad di antara tahun 1970 sehingga 1990 mengikut kaum. Walaupun masih jauh kurang berbanding dengan matlamatnya, pemilikan ekuiti Bumiputera juga turut meningkat dengan ketara. Dari segi jumlahnya, ia telah meningkat daripada RM126 juta dalam tahun 1970 kepada RM22.3 ribu juta dalam tahun 1990. Ini adalah merupakan pertumbuhan sebanyak 29.6 peratus setahun, jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan

¹² Malaysia, Unit Perancangan Ekonomi, *Dasar Ekonomi Baru - Prestasi 1986-88 dan Prospek, 1898-90*, Kuala Lumpur, 1989. ms. 44.

¹³ MIC, *Pusingan Kedua Wawasan 2020 dan Kuam India*, Kuala Lumpur, 1994, para 20.

sebanyak 16.3 peratus setahun dalam modal saham bagi sektor koperat keseluruhannya. Namun begitu, peningkatan ekuiti golongan Bumiputera adalah disebabkan sebahagian besar pemilikan ekuiti yang dipegang oleh agensi amanah dan institusi-institusi lain yang berkaitan seperti yang disenaraikan sebelum ini. Paras sebenar pemilikan yang dipegang oleh individu Bumiputera sebagai pelabur langsung hanya sebanyak 8.2 peratus pada akhir tahun 1990 berbanding dengan sejumlah 20.3 peratus yang dimiliki oleh seluruh masyarakat Bumiputera.

Di bawah kategori bukan Bumiputera, kaum Cina memiliki kira-kira RM49,300 juta atau 45.5 peratus dalam tahun 1990 jika dibandingkan dengan 27.2 peratus dalam tahun 1970. Ini menunjukkan kaum Cina telah berjaya meningkatkan hakmilik ekuiti mereka sebanyak 18.3 bagi tempoh sepuluh tahun. Walaupun mereka tidak mendapat bantuan secara langsung daripada kerajaan dalam DEB, kaum Cina telah berjaya dalam meningkatkan hakmilik mereka. Boleh dibuat andaian bahawa masyarakat Cina sebelum perlaksanaan DEB telah maju dalam bidang perniagaan dan mempunyai kelebihan dalam bidang tersebut jika dibandingkan dengan Bumiputera dan masyarakat India. Ini menyebabkan telah menggunakan kelebihan ini untuk terus maju.

Walau bagaimanapun, penyertaan masyarakat India dalam sektor koperat adalah sangat rendah iaitu kurang daripada 10 peratus daripada matlamat DEB yang ditetapkan oleh kerajaan jika dibandingkan dengan jumlah penduduk India. Hakmilik modal saham di syarikat-syarikat berhad yang dikawal oleh masyarakat India

Jadual 4.3

Malaysia: Hakmilik Modal Saham (Pada Nilai Par) Syarikat-Syarikat Berhad¹ (RM juta)
1970-1992

Kumpulan Hakmilik	1970 ²	%	1975	%	1980	%	1985	%	1988	%	1990	%	1992	%
Permastaunin Malaysia Bumiputera	1,952.1	36.6	7,047.2	46.7	18,493.4	57.1	57,666.6	74.0	73,889.2	75.4	80,851.9	74.6	88,835.6	67.6
Bumiputera Perseorangan & Institusi ³	125.6	2.4	1,394.0	9.2	4,050.5	12.5	14,883.4	19.1	19,057.6	19.4	20,877.5	19.2	23,730.5	18.2
Agensi Amanah ⁴	84.4	1.6	549.8	3.6	1,880.1	5.8	9,103.4	11.7	12,751.6	13.0	15,322.0	14.1	20,778.2	15.9
Bukan Bumiputera ⁵	1,826.5	34.3	5,653.2	37.5	14,442.9	44.6	42,738.2	54.9	54,831.6	56.0	59,974.4	55.3	64,805.1	49.5
Cina	1,450.5	27.2	-	-	-	-	26,033.3	33.4	31,925.1	32.6	49,296.5	45.5	49,484.0	37.8
India	55.9	1.1	-	-	-	-	927.9	1.2	1,153.0	1.2	1,068.0	1.0	1,391.5	1.1
Lain-Lain	-	-	-	-	-	-	987.2	1.3	1,022.6	1.0	389.5	0.3	1,455.8	1.1
Syarikat Calon	{ 320.1	6.0	-	-	-	-	5,585.1	7.2	7,943.6	8.1	9,220.4	8.5	12,473.8	9.5
Syarikat Kawalan Tempatan							9,249.7	11.8	12,787.3	13.1				
Permastaunin Asing	3,377.1	63.4	8,037.2	53.3	13,927.0	42.9	20,297.8	26.0	24,081.8	24.6	27,525.5	25.4	42,374.1	32.4
Jumlah⁶	5,329.2	100.0	15,084.4	100.0	32,420.4	100.0	77,964.4	100.0	97,971.0	100.0	108,377.4	100.0	130,909.8	100.0

Sumber:

Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur. Jadual 9-9.Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur. Jadual 3-14.Kerajaan Malaysia, *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur. Jadual 3-12.Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur. Jadual 3-9.Kerajaan Malaysia, *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur. Jadual 3-12.Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur. 1991.Kerajaan Malaysia, *Mid-Term Review of the Sixth Malaysia Plan 1991-1995*, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur. 1993. Jadual 3-5.

Nota:

1 Pengkelasaran hakmilik modal saham (pada nilai par) yang digunakan dalam Penyiasatan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad adalah berdasarkan kepada tempat tinggal dan bukan kewarganegaraan pemilik saham. Permastaunin adalah orang-orang perseorangan, syarikat-syarikat atau institusi-institusi yang tinggal atau terletak dalam Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Oleh itu, takrif ini juga termasuk warganegara asing yang bernastauin di Malaysia.

2 Hanya bagi Semenanjung Malaysia

3 Meliputi institusi-institusi yang menyalurkan kumpulan wang Bumiputera perseorangan.

4 Saham-saham yang dimiliki melalui institusi-institusi yang diketaskan sebagai agensi-agensi amanah.

5 Termasuk syarikat kawalan tempatan dan syarikat calon di mana jumlah nilai modal saham syarikat-syarikat berhad yang hakmiliknya tidak dapat dipecahkan dan dibahagikan selepas peringkat kedua kepada kumpulan-kumpulan etnik tertentu.

6 Tidak termasuk pegangan oleh Kerajaan melainkan melalui agensi-agensi amanah.

Malaysia adalah 0.9 peratus dalam tahun 1969.¹⁴ Ekuiti masyarakat India dalam syarikat-syarikat berhad ialah 1.0 peratus dalam tahun 1970. Masyarakat India hanya memiliki kira-kira RM1,000 juta atau 1 peratus pada tahun tersebut.

Di antara dari tahun 1985 hingga 1988, hak milik ekuiti masyarakat India adalah kekal pada paras 1.2 peratus. Dalam tahun 1988, menurut Rancangan Malaysia Kelima, modal saham orang-orang India ialah 1.2 peratus. Tambahan sebanyak 0.2 peratus selama 18 tahun tidak boleh dikatakan sebagai menggalakkan. Untuk mengekalkan saham-saham kurang daripada 1 peratus, ia memerlukan simpanan dan pelaburan tahunan sebanyak RM50 juta oleh kaum India¹⁵ dan ini adalah satu keadaan yang mustahil terutamanya bagi kaum India dalam meningkatkan pemilikan kepada 10 peratus. Pada tahun 1990, pemilikan ekuiti masyarakat India masih kekal pada paras 1 peratus sahaja. Ini adalah daripada angka-angka terakhir yang diberikan oleh Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang menunjukkan ekuiti masyarakat India ialah 1.0 peratus. Angka ini adalah sama dengan angka dalam tahun 1970. Bagi kaum India, matlamat 10 peratus yang telah ditetapkan oleh kerajaan tidak tercapai dan masih kekal pada paras satu peratus.

Pemastautin asing memiliki kira-kira RM27,500 juta atau 25.1 peratus. Manakala kepentingan syarikat calon adalah berjumlah RM9,220 ribu juta atau 8.4 peratus. Jumlah ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan peratusan ekuiti yang dimiliki oleh masyarakat India.

Adalah jelas disini menunjukkan bahawa kerajaan telah berjaya dalam DEB meningkatkan hakmilik Bumiputera manakala masyarakat Cina terus memainkan peranan mereka walaupun campurtangan secara langsung daripada pihak kerajaan.

¹⁴ MIC, *The New Economic Policy and Malaysian Indians: MIC Blueprint*, MIC: Kuala Lumpur, 1974, ms. 14.

¹⁵ Pathmanathan, M. "Comparative Analysis of the Economic Position of The Malaysian Indian Between 1970 and 1986." Kertas dibentangkan di Seminar Indian Chamber of Commerce, Pulau Pinang, ms. 9.

Masyarakat India tidak mencapai sebarang kesan daripada perlaksanaan DEB di dalam peningkatan ekuiti mereka. Ini bermakna masyarakat India tidak berjaya di dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka jika dibandingkan dengan kaum Bumiputera dan Cina. Taraf sosio-ekonomi mereka masih kekal seperti tahun 1970. Pembahagian kekayaan negara tidak terjadi dengan adil kerana ada satu kumpulan etnik yang masih lagi ketinggalan.

4.1.2. Penyusunan Semula Sektor Pertanian Moden

Penyusunan dalam sektor pertanian moden seperti sektor perladangan dan Skim Felda, adalah usaha kerajaan dalam meningkatkan pendapatan para petani dalam usaha membasmi kemiskinan. Ini adalah kerana pendapatan para petani dan peladang adalah sangat rendah dan kebanyakan daripada ladang-ladang dimiliki oleh orang-orang asing. Kesan terpenting daripada dasar penyusunan semula masyarakat dalam DEB adalah terdapatnya perpindahan hakmilik modal saham daripada rakyat asing kepada penduduk tempatan terutamanya dalam sektor perladangan.

Kerajaan telah berjaya dalam usahanya memindahkan pemilikan saham modal daripada pemilik asing kepada pemilik tempatan. Perubahan yang terpenting adalah pemilikan ladang-ladang. Jika sebelum ini lebih kurang 83 % ladang-ladang getah pada tahun 1950an adalah dimiliki oleh syarikat-syarikat dari kini sudah berpindah kepada syarikat-syarikat tempatan seperti Permodalan Nasional Berhad.¹⁶ Ini sekurang-kurangnya menunjukkan bahawa buruh-buruh India di ladang-ladang menyumbangkan tenaga mereka untuk pembangunan negara.

Pada awal tahun 1970an, kebanyakan ladang-ladang dikuasai oleh rakyat asing. Dalam tahun 1973, pemilikan pertanian seperti estet, Felda dan lain-lain skim

¹⁶ Hing Ai Yun, "Capitalist Development, Class and Race", dalam S. Husin Ali, *Ethnicity, Class and Development in Malaysia*, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, ms. 296-328.

pembangunan yang ditanam dengan getah dan kelapa sawit, 42.3 peratus dikawal oleh rakyat asing diikuti dengan Melayu 21 peratus, Cina 26.3 peratus dan India 2.6 peratus¹⁷. Kebanyakan pemilikan Melayu adalah skim-skim tanah sektor awam, manakala bagi masyarakat Cina dan India adalah dalam bentuk estet-estet persendirian.

Jadual 4.4 menunjukkan pemilikan dalam sektor perladangan mengikut kaum pada tahun 1988. Pemilikan ladang-ladang oleh masyarakat India untuk kelapa sawit hanyalah 3.9 peratus, bagi getah 5.9 peratus dan untuk teh adalah 21.4 peratus. Jelas dapat dilihat bahawa penyertaan masyarakat India masih rendah. Pemilikan kelapa sawit dan getah oleh masyarakat India adalah rendah jika dibandingkan dengan masyarakat Cina dan Bumiputera. Pemilikan ladang teh oleh masyarakat India adalah tinggi iaitu 21.4 peratus tetapi peratusan pengeluaran adalah rendah iaitu hanya 8.8 peratus. Bagi masyarakat Bumiputera walaupun pemilikan individu adalah rendah tetapi Agensi Amanah Kerajaan jelas memainkan peranan yang penting di dalam memelihara kepentingan Bumiputera di sektor perladangan. Pemilikan oleh agensi-agensi ini walaupun kecil dari segi peratusan jumlah syarikat yang di miliki tetapi sumbangannya kepada pengeluaran adalah agak besar iaitu 21.9 peratus untuk kelapa sawit dan 22.9 peratus untuk getah. Bagi masyarakat India, adalah jelas penglibatan mereka hanyalah sebagai pekebun-pekebun kecil yang hanya mampu memberi pendapatan yang rendah.

¹⁷ Malaysia, *Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-1980*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1976, ms. 183.

Jadual 4.4
Penyertaan Dan Hakmilik Di Sektor Perladangan Mengikut Kaum
1988

Sektor	Bumiputera dan Kepentingan Bumiputera		Agenzi Amanah		Cina		India	
	% Bil.	Peratusan Pengeluaran	% Bil.	Peratusan Pengeluaran	% Bil.	Peratusan Pengeluaran	% Bil..	Peratusan Pengeluaran
Kelapa Sawit	5.4	5.1	9.3	21.9	44.5	16.0	3.9	1.2
Getah	3.1	0.9	6.9	22.9	57.5	24.0	5.9	4.3
Teh	7.1	4.4	14.3	8.7	14.3	5.9	21.4	8.8

Sumber: Jabatan Perangkaan (1988). *Statistik Utama Pemilikan dan Penyertaan dalam Perdagangan dan Perindustrian*. Kuala Lumpur.

Pembangunan tanah baru melalui Skim Felda yang diperkenalkan oleh kerajaan telah berjaya meningkatkan hakmilik Bumiputera dalam sektor pertanian moden. Menurut Kementerian Pembangunan Tanah, sehingga 31 Oktober 1982, (Jadual 4.5), adalah dianggarkan daripada sejumlah 74,328 keluarga peneroka Felda, 71, 613 (96.4 peratus) adalah terdiri daripada Melayu, 1,249 (1.7 peratus) terdiri daripada Cina dan 1,466 (1.9 peratus) adalah terdiri daripada masyarakat India dan lain-lain.¹⁸ Dianggarkan Felda telah memajukan seluas 576.76 hektar (Jadual 4.5) menjelang tahun 1982. Kaum Melayu memiliki kira-kira 556.00 hektar, 9.80 hektar oleh kaum Cina dan diikuti dengan masyarakat India dan lain-lain memiliki seluas 10.96 hektar. Ini menunjukkan kriteria bagi pemilihan peneroka-peneroka baru adalah sangat ketat. Keutamaan diberikan kepada masyarakat Melayu jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain.

Untuk menepatkan keluarga-keluarga ke rancangan Felda, kerajaan terpaksa menanggung kos yang semakin meningkat. Kos purata bagi menempatkan satu

¹⁸ Fong Chan Onn, "Malaysian Corporate Economy Restructuring: Progress Since 1970". Kertas dibentangkan pada persidangan Ke IV bertemakan Dasar Ekonomi Baru Dan Masa Depannya pada 24-26 Julai 1989, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, ms. 13.

keluarga ke rancangan Felda telah meningkat daripada RM37,500 pada tahun 1980 kepada RM53,000 pada tahun 1985 disebabkan oleh kenaikan kos input bahan dan buruh serta kedudukan rancangan-rancangan baru.¹⁹

Daripada analisa di atas, pembangunaan tanah-tanah baru oleh kerajaan melalui Felda lebih memberikan tumpuan kepada masyarakat Bumiputera jika dibandingkan dengan masyarakat Cina dan India. Masyarakat bukan bumiputera hanya mewakili 3.5 peratus sahaja daripada bilangan peneroka.

Jadual 4.5
Taburan Keluarga Peneroka Felda Mengikut Kaum, 1982

Etnik	Bil. Keluarga Peneroka ¹	Peratus	Anggaran Hektar ² ('000)
Melayu	71,613	96.4	556.00
Cina	1,249	1.7	9.80
India dan Lain-lain	1,466	1.9	10.96
Jumlah	74,328	100.0	576.76

Sumber: Fong Chan Onn, "Malaysian Corporate Economy Restructuring: Progress Since 1970". Kertas seminar dibentangkan pada Persidangan Ke IV Dasar Ekonomi Baru Dan Masa Depannya anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia, 24-26 Julai, 1989. Jadual 3.3.

4.1.3. Sektor Pembuatan, Perdagangan dan Perkhidmatan

Sektor pembuatan adalah sektor utama negara dan menyumbang hampir 50 peratus daripada KDNK negara. Di antara agensi-agensi yang memberi khidmat sokongan kepada usahawan terutamanya kepada usahawan Bumiputera adalah MARA yang mengendalikan kursus keusahawanan, memberikan pinjaman perniagaan, khidmat nasihat dan pemasaran, Bank Pertanian memberikan pinjaman

¹⁹ Malaysia, *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, ms. 343.

untuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pertanian, Pusat Daya Pengeluaran (NPC) pula mengendalikan kursus pengurusan, Bank Pembangunan memberikan pinjaman keusahawanan, Bank Industri memberikan pinjaman kepada industri bermodal besar dan berteknologi tinggi untuk tujuan eksport, MEDEC yang memberikan latihan keusahawanan, MIDA memberikan kelulusan pelaburan, Institut Latihan Perindustrian dan MIDF yang memberikan khidmat perundingan dan pembiayaan.

Hasilnya, pada tahun 1980, kaum Cina memiliki RM1,490 juta atau 24.2 peratus daripada jumlah modal berbayar RM6,145.6 juta dari 2534 industri-industri di bawah MIDA. Ini diikuti dengan Bumiputera memiliki RM1,151.4 juta atau 18.7 peratus dan RM44.7 juta atau 0.7 peratus bagi kaum India. (Jadual 4.6) Penglibatan masyarakat India dalam industri-industri pengeluaran adalah rendah jika dibandingkan dengan Bumiputera dan Cina iaitu hanya 0.7 peratus daripada jumlah modal berbayar bagi tahun 1980.

Jadual 4.6
Modal Berbayar Dalam Industri-Industri Pengeluaran
31.12.1980

Modal Berbayar% (RM Juta)		
Bumiputera	1,151.4	18.7
Cina	1,490.3	24.2
India	44.7	0.7
Lain-lain Warganegara		
Malaysia	1,093.4	17.8
Asing	2,365.7	38.5
Jumlah	6,145.6	100

Sumber: Laporan Tahunan MIDA, 1981. Jadual V.

Jadual 4.7 menunjukkan pengagihan pemilikan golongan India di dalam bidang perdagangan dan industri perkhidmatan terpilih bagi tahun 1971 dan 1981. Secara keseluruhan kita boleh katakan bahawa terdapat kemerosotan di dalam jumlah hakmilik golongan India di dalam perkhidmatan-perkhidmatan tersebut kecuali di dalam sektor perkhidmatan profesional, perkhidmatan mencuci pakaian serta di dalam perkhidmatan kedai gunting rambut. Peratus yang kecil daripada pulangan/pendapatan bersamaan dengan jumlah pertubuhan yang merangkumi menandakan bahawa saiz urusan-urusan ini tidaklah besar. Urusan-urusan perniagaan yang kecil ini tidak memberi peluang kepada kaum India untuk berkembang.

Jadual 4.8 menunjukkan peratusan hakmilik mengikut kumpulan etnik di sektor pembuatan dan perkhidmatan terpilih bagi tahun 1988. Pemilikan kaum India di sektor pembuatan dan perkhidmatan adalah mengecewakan. Hakmilik masyarakat India di kebanyakan sektor adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan Bumiputera kecuali dalam sektor harta tanah dan perkhidmatan profesional. Penglibatan masyarakat India dalam sektor perkapalan adalah sifar bagi tahun 1988. Di sektor pembuatan, pemilikan kaum India hanyalah di dalam lingkungan 1 peratus. Namun begitu, pemilikan 1 peratus ini pula hanya menyumbang kepada 0.2 peratus pengeluaran kasar sektor pembuatan (Jadual 4.9). Ini jelas membuktikan penglibatan kaum India di sektor ini adalah di peringkat kecil-kecilan seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Jadual 4.7

Malaysia: Hakmilik dalam Sektor Perdagangan dan Industri Perkhidmatan Terpilih
Mengikut Kumpulan Etnik, 1971 dan 1980¹

Sektor	1971					1981				
	B/putera ²	Cina	India	Asing ³	Jumlah ⁴	B/putera ²	Cina	India	Asing ³	Jumlah ⁴
Jualan Borang⁵										
Bilangan Pertubuhan (%)	168 2.5	5,239 78.5	264 4.0	798 12.0	6,673 100	1,620 8.2	16,090 81.8	521 2.6	1,031 5.2	19,663 100
Perolehan (\$ juta) (%)	47.0 0.8	4,079.5 66.2	152.5 2.5	1,576.9 25.6	6,160.9 100	1,778.3 5.3	18,684.4 55.5	1,115.8 3.3	10,004.4 29.7	33,653.8 100
Jualan Runcit⁵										
Bilangan Pertubuhan (%)	3,311 13.0	18,957 74.6	2,142 8.4	573 2.3	25,421 100	32,800 34.2	55,417 57.7	5,877 6.1	709 0.7	95,993 100
Perolehan (\$ juta) (%)	50.8 3.0	1,394.0 81.2	125.1 7.3	102.3 6.0	1,717.5 100	1,531.5 11.5	9,910.2 74.6	653.5 4.9	323.7 2.4	13,277.1 100
Pengusaha Pengangkutan										
Jalan⁶										
Bilangan Pertubuhan (%)	69 17.8	237 61.2	16 4.1	12 3.1	387 100	6,057 62.5	2,978 30.7	263 2.7	8 0.1	9,696 100
Perolehan (\$ juta) (%)	30.4 17.3	107.1 60.9	6.5 3.7	7.8 4.4	176.0 100	455.0 42.2	401.8 37.2	20.7 1.9	3.6 0.3	1,078.8 100
Syarikat Perkapalan										
Bilangan Pertubuhan (%)	- -	1 11.1	- -	4 44.4	9 100	17 7.5	174 76.3	- -	2 0.9	228 100
Perolehan (\$ juta) (%)	- -	0.4 1.5	- -	4.0 15.4	25.9 100	54.1 6.6	125.7 15.4	- -	13.1 1.6	815.3 100
Agensi Pelancongan & Pengembawaan										
Bilangan Pertubuhan (%)	20 19.2	48 46.1	6 5.8	16 15.4	104 100	155 26.8	304 52.5	33 5.7	15 2.6	579 100
Perolehan (\$ juta) (%)	1.5 20.8	3.4 47.2	0.1 1.4	1.5 20.8	7.2 100	23.4 26.4	40.1 45.2	1.9 2.1	7.1 8.0	88.7 100
Hotel & Tempat Penginapan lain⁷										
Bilangan Pertubuhan (%)	14 1.6	817 94.8	1 0.1	8 0.9	862 100	46 5.0	769 83.5	3 0.3	5 0.5	921 100
Perolehan (\$ juta) (%)	4.0 3.6	75.3 68.5	0.3 0.3	t.d. -	109.9 100	47.9 8.6	191.1 34.3	1.1 0.2	8.4 1.5	557.8 100
Perkhidmatan Profesional⁸										
Bilangan Pertubuhan (%)	122 7.0	1,213 69.7	218 12.5	88 5.1	1,741 100	422 10.2	2,686 65.2	522 12.7	39 0.9	4,120 100
Perolehan (\$ juta) (%)	5.3 4.4	68.4 57.0	12.5 10.4	16.1 13.4	120.1 100	160.6 17.8	482.9 53.6	69.2 7.7	30.0 3.3	901.2 100

Sambungan Jadual 4.7

Sektor	1971					1981				
	B/putera ²	Cina	India	Asing ³	Jumlah ⁴	B/putera ²	Cina	India	Asing ³	Jumlah ⁴
Tempat Pencucian Pakai dan Perkhidmatan										
Pencucian Pakai⁹										
Bilangan Pertubuhan (%)	38 6.7	350 61.9	93 16.5	83 14.7	565 100	36 7.4	315 64.8	127 26.1	3 0.6	486 100
Perolehan (\$ juta) (%)	0.2 4.2	3.0 62.5	0.4 8.3	1.2 25.0	4.8 100	0.5 5.5	6.4 70.3	1.0 11.0	1.2 13.2	9.1 100
Studio Gambar⁹										
Bilangan Pertubuhan (%)	19 4.5	394 93.1	-	10 2.4	423 100	26 3.2	779 96.5	1 0.1	1 0.1	807 100
Perolehan (\$ juta) (%)	0.1 0.9	11.1 96.5	-	0.3 2.6	11.5 100	0.4 0.7	51.9 98.9	0.2 0.4	t.d. -	52.5 100
Kedai Gunting										
Rambut & Solekan⁹										
Bilangan Pertubuhan (%)	406 13.4	1,921 63.2	479 15.8	231 7.6	3,040 100	391 10.0	2,866 73.3	619 15.8	6 0.2	3,908 100
Perolehan (\$ juta) (%)	1.2 6.6	13.5 73.8	2.5 13.7	1.0 5.5	18.3 100	2.3 3.9	51.2 86.5	4.2 7.1	1.0 1.7	59.2 100
Panggung Wayang										
Bilangan Pertubuhan (%)	1 0.5	93 47.7	2 1.0	49 25.1	195 100	21 4.9	271 62.7	4 0.9	44 10.2	432 100
Perolehan (\$ juta) (%)	0.1 0.2	21.0 34.7	0.3 0.5	17.0 28.1	60.5 100	10.3 6.1	53.9 32.0	0.5 0.3	27.4 16.3	168.5 100

Sumber: Jabatan Perangkaan, *Perangkaan Utama Mengenai Kepunyaan dan Penyertaan Di Dalam Perdagangan dan Perusahaan, Malaysia, 1970/71 - 1981/82*.

Nota:

1. Angka bagi tahun 1971 merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja manakala angka bagi tahun 1981 merujuk kepada Malaysia.
2. Termasuk bumiputra perseorangan dan agensi amanah.
3. Tidak termasuk hakmilik bersama iaitu pertubuhan yang modal berbayarnya dimiliki 50 peratus oleh Rakyat Malaysia dan 50 peratus lagi oleh bukan Rakyat Malaysia.
4. Tidak sama dengan jumlah pertubuhan dan hasil atau perolehan keempat-empat kumpulan hakmilik kerana ianya tidak termasuk hakmilik rakyat Malaysia yang lain dan hakmilik bersama antara Bumiputra dan bukan-Bumiputra serta antara Rakyat Malaysia dan Rakyat Asing.
5. Data bagi tahun 1971 dan 1981 bagi sektor jual borong dan jual runcit masing-masing merujuk kepada tahun 1970 dan 1980.
6. Terdiri daripada pengangkutan bas dan teksi serta pengangkutan mautan. Angka-angka bagi tahun 1971 tidak termasuk pengangkutan teksi. Pengangkutan bas termasuk pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai pengusaha bas tetapi tidak termasuk pengusaha bas sekolah dan bas kilang. Pengangkutan teksi meliputi pertubuhan yang telah mendapat lesen teksi daripada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan manakala pengangkutan muatan termasuk pertubuhannya yang mendapat lesen pengangkutan awam jenis permit A.
7. Meliputi hanya hotel dan tempat penginapan yang mempunyai lebih daripada 10 buah bilik di kawasan bandar. Data bagi tahun 1971 merujuk kepada tahun 1973.
8. Meliputi pertubuhan dalam bidang-bidang perundangan, pergigian, kejuruteraan, perakuanan, jurukur dan perubatan.
9. Bagi perkhidmatan foto, ianya termasuk perkhidmatan gambar foto perdagangan. Data bagi tahun 1971 merujuk kepada tahun 1973 manakala data bagi t.d. tidak diperolehi.

Jadual 4.8

Malaysia: Peratusan Hakmilik Mengikut Kumpulan Etnik Di Sektor Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan Terpilih, 1988

Setor	Bumiputera/ Kepentingan Bumiputera	Agensi Amanah	Cina	India
Pembuatan	6.2	1.1	52.4	1.1
Pembinaan	24.1	0.3	69.3	1.3
Pemborongan ¹	-	84.5	2.9	
Runcit	32.3 ¹	-	60.4	6.3
Perkapalan	29.7 ¹	-	20.3	0.0
Pelancongan dan Pengembaraan	31.4 ¹	-	45.9	7.6
Hotel dan Penginapan	5.9 ¹	-	77.8	0.5
Hartanah	6.0 ¹	-	68.0	19.3
Agensi Iklanan	17.1 ¹	-	56.3	1.7
Perkhidmatan Profesional ²	15.8 ¹	-	55.3	18.8

Sumber: Jabatan Perangkaan (1988). Statistik Utama Pemilikan dan Penyertaan dalam Perdagangan dan Perindustrian.

Nota:

1 termasuk institusi Bumiputera dan agensi Amanah

2 termasuk pelukis pelan, jurukur bahan, jurutera, peguam, akitek, doktor gigi, akauntan dan doktor haiwan.

Jadual 4.9

Malaysia: Peratusan Jualan Bulanan Mengikut Kumpulan Ethnik Di Sektor
Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan Terpilih, 1988

Setor	Bumiputera/ Kepentingan Bumiputera	Cina	India
Pembuatan ¹	1.7	11.8	0.2
Pembinaan ¹	24.0	51.1	0.7
Pemborongan	8.1	85.3	2.8
Runcit	20.0	75.1	2.8
Perkapalan	11.2	0.8	0.0
Pelancongan dan Pengembawaan	15.4	52.6	2.0
Hotel dan Penginapan	16.0	16.0	0.1
Hartanah	21.8	63.3	8.5
Agensi Iklanan	23.6	9.8	4.2
Perkhidmatan Profesional	26.5	44.3	10.6

Sumber: Jabatan Perangkaan (1988). Statistik Utama Pemilikan dan Penyertaan dalam Perdagangan dan Perindustrian.

Nota:

¹ merujuk kepada peratusan pengeluaran kasar.

Jadual 4.10 menunjukkan pecahan bilangan syarikat-syarikat pengeluaran mengikut negeri dan modal berbayar bumiputera, bukan bumiputera dan asing. Jadual tersebut juga menunjukkan bilangan pekerja-pekerja mengikut kaum di syariakat-syarikat pengeluaran. Peratusan pekerja Bumiputera dalam tahun 1983 adalah 52.9 peratus daripada jumlah tenaga kerja perindustrian di 2,963 industri-industri pengeluaran. Tenaga kerja kaum Cina adalah 30.3 peratus manakala 14.3 peratus bagi kaum India. Penglibatan masyarakat India dalam pekerjaan di sektor-sektor pembuatan telah meningkat jika dibandingkan semasa negara mula mencapai kemerdekaan.

Dari segi pekerjaan di sektor pembuatan, seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.10, jumlah tenaga kerja di sektor pembuatan adalah dianggarkan berjumlah 197,279 dalam tahun 1972 dengan kaum Cina mewakili sejumlah 53.7 peratus, kaum Melayu 35.9 peratus dan kaum India 8.9 peratus. Dalam tahun 1979, jumlah tenaga kerja di sektor tersebut semakin meningkat selaras dengan dasar kerajaan. Jumlah tenaga kerja kaum Cina telah menurun kepada 38.6 pada tahun 1979. Sementara itu, jumlah tenaga kerja kaum Melayu dan India telah meningkat kepada 47.2 peratus dan 13.4 peratus masing-masing.

Jadual 4.10

Taburan Syarikat-syarikat Pengeluaran Mengikut Modal Berbayar, Pekerjaan dan Lokasi, 1983.

Negeri	Bil.	Modal Berbayar			Jumlah Aset Tetap (RM Juta)	Pekerjaan				Jumlah Rakyat M'sia	
		Rakyat Malaysia Bumi-putera	Bukan Bumi-putera	Asing		Jumlah	Cina	India	Lain-lain		
Johor	441	353.6	424.4	342.1	1,120.2	1,175.0	28,976	15,093	3,301	220	47,590
Melaka	69	65.2	72.3	80.0	217.5	247.9	11,954	3,514	1,167	290	16,925
N.Sembilan	72	49.9	74.9	149.2	274.1	431.4	3,786	2,351	2,221	72	8,430
Pahang	81	109.0	107.5	23.8	240.3	237.3	8,476	1,917	1,495	94	11,982
W.Persekutuan	349	208.8	278.4	258.0	745.2	1,213.2	17,043	14,448	4,697	372	36,560
Selangor	740	516.3	1,402.8	1,328.4	3,247.5	3,978.5	58,675	30,489	21,040	607	110,811
Kedah	99	141.9	85.5	87.3	314.7	315.3	8,713	2,221	2,100	88	13,122
Terengganu	43	46.8	28.8	6.6	82.2	98.4	4,230	596	22	1	4,843
Kelantan	33	17.6	28.2	2.6	48.3	66.8	3,483	426	62	8	3,979
Perak	345	345.0	708.2	308.7	1,361.9	1,073.3	14,652	11,389	9,163	126	35,380
P.Pinang	375	203.3	482.2	510.8	1,196.3	1,375.6	31,754	28,819	12,695	431	73,699
Perlis	9	65.0	80.4	39.6	184.9	123.0	2,280	360	61	43	2,744
Sabah	95	170.8	75.8	16.0	262.6	382.0	4,591	1,551	32	284	6,458
Sarawak	212	116.3	166.9	64.5	347.7	838.8	9,864	6,129	149	552	16,694
Jumlah	2,963	2,409.6	4,016.2	3,217.5	9,643.3	11,556.6	208,477	119,297	58,205	3,188	389,167
										5,109	394,276

Sumber: Zainal Aznam Yusof, "The New Economic Policy, 1970-1980: A Decade of Growth and Equity", Kertas dibentangkan pada persidangan "The Political Economy of Poverty, Equity adn Growth", Fez, Morocco, 4hb April, 1987.

Jadual 4.11 juga menunjukkan pekerjaan di sektor pembuatan bagi tahun 1972 dan 1979 mengikut kategori. Pada tahun 1972, penglibatan kaum India dalam kategori Pengurusan dan Profesional adalah 4.2 peratus daripada 4,565 tenaga kerja dan dalam tahun 1979 ia meningkat kepada 4.4 peratus daripada 14,425 jumlah tenaga kerja. Peningkatan ini hanya 0.2 peratus walaupun jumlah tenaga kerja baru telah meningkat hampir 10,000 pada tahun 1979. Ini menunjukkan penglibatan masyarakat India dalam bidang kerja ini adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan kaum Cina. Peratusan penglibatan tinggi masyarakat India dalam sektor pembuatan adalah sebagai pekerja am di mana dalam tahun 1972 adalah 18.5 peratus dan diikuti dengan 20.0 peratus dalam tahun 1979.

Dalam sektor pembuatan walaupun jumlah penglibatan masyarakat India di sektor ini telah meningkat tetapi adalah didapati bahawa kaum India kebanyakannya terlibat dalam kategori pekerjaan bawahan yang menerima upah yang rendah. Peluang mereka untuk terlibat dalam kategori pekerjaan yang tinggi adalah terhad jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Ini menunjukkan terdapat diskriminasi dikalangan pekerja-pekerja India untuk jawatan-jawatan tertentu sama ada kenaikan pangkat atau perlantikan baru. Pekerja masyarakat India hanya dilihat sebagai pekerja bawahan atau buruh-buruh kasar oleh para majikan.

Jadual 4.11

Semenanjung Malaysia: Pekerjaan Sektor Pembuatan Mengikut Kategori,
1972 dan 1979

Pekerja Sepenuh Masa	Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Asing	Jumlah
Pengurusan dan Profesional							
	1972	406	3,151	190	57	761	4,565
	%	8.9	69.0	4.2	1.2	16.7	100
	1979	2,184	10,341	628	121	1,151	14,425
	%	15.1	71.7	4.4	0.8	8.0	100
Teknikal dan Penyeliaan							
	1972	1,515	6,437	638	80	445	9,115
	%	16.6	70.6	7.0	0.9	4.9	100
	1979	8,279	17,794	2,905	241	250	29,469
	%	28.1	60.4	9.9	0.8	0.8	100
Perkeranian							
	1972	1,877	10,862	746	95	71	13,651
	%	13.7	79.6	5.5	0.7	0.5	100
	1979	7,119	22,159	2,318	217	46	31,859
	%	22.3	69.6	7.3	0.7	0.1	100
Pekerja Am							
	1972	4,932	5,405	2,385	141	50	12,913
	%	38.2	41.8	18.5	1.1	0.4	100
	1979	12,302	7,871	5,100	251	28	25,552
	%	48.1	30.8	20.0	1.0	0.1	100
Pekerja Kilang Langsung							
(a) Berskil	1972	20,276	63,873	5,353	138	500	63,140
	%	32.1	58.4	8.5	0.2	0.8	100
(b) Tidak berskil	1972	35,427	29,486	7,387	172	138	72,610
	%	48.8	40.6	10.2	0.2	0.2	100
	1979	81,446	35,756	22,868	403	32	140,505
	%	58.0	25.4	16.3	0.3	-	100
Pekerja kilang secara kontrak							
	1972	6,438	13,660	1,162	11	14	21,285
	%	30.2	64.2	5.5	-	0.1	100
	1979	20,128	20,485	4,384	117	10	45,124
	%	44.6	45.4	9.7	0.3	-	100
Jumlah							
	1972	70,871	105,874	17,861	694	1,979	197,279
	%	35.9	53.7	8.9	0.4	1.0	100
	1979	192,206	157,327	54,760	1,681	1,603	407,577
	%	47.2	38.6	13.4	0.4	0.4	100

Sumber: Malaysia, *Principal Statistics on Ownership and Participation in Commerce and Industry Malaysia*, Department of Statistics, Kuala Lumpur, 1972/73 and 1979/80.

4.1.4. Sektor Bank dan Insuran

Usaha menyusun semula masyarakat di bawah DEB meliputi semua sektor dalam ekonomi termasuk sektor kewangan. Dari segi hakmilik bank perdagangan di mana modal berbayarnya berjumlah kira-kira RM5 ribu juta pada akhir tahun 1990, sebahagian besar daripada hakmilik ekuiti adalah dipegang oleh Kerajaan yang terdiri daripada Kerajaan Pusat, badan berkanun dan syarikat di bawah kawalan Kerajaan. Hakmilik kerajaan pada dasarnya kekal stabil pada paras lebih kurang 60 peratus dalam tempoh 1980-1990.²⁰

Jika digabungkan ketiga-tiga institusi bank, syarikat kewangan, bank saudagar dan bank perdagangan, jumlah modal berbayar bagi sistem urusan bank berjumlah lebih daripada RM7 ribu juta dalam tahun 1990.²¹ Pengagihan hakmilik dalam tahun 1990 ialah sebanyak 45.1 peratus untuk kerajaan, Bumiputera sebanyak 16.3 peratus, bukan Bumiputera sebanyak 25.7 peratus dan orang asing sebanyak 12.3 peratus.²² Bagi kategori bukan Bumiputera di sini bolehlah diandaikan bahawa hampir keseluruhan daripada hakmilik dalam tahun 1990 adalah milik kaum Cina dan bukan kaum India.

Dari segi penglibatan kaum India dalam urusan bank, ia telah bermula melalui urusan masyarakat India Malaysia dengan Indian Overseas Bank iaitu sebuah bank milik kerajaan India dan kemudian dikenali sebagai United Asian Bank (UAB). Ia adalah sebuah bank yang sering digunakan oleh kebanyakan daripada kaum India Malaysia dalam urusan bank mereka. Bank tersebut telah digunakan sejak dari

²⁰ Dato' Jaafar b. Hussein, "Peralatan-peralatan Ekonomi dan Hubungkait Bagi Mewujudkan Persekutuan Yang Mantap Untuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera - Satu Penilaian", *Laporan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga*, Kuala Lumpur, 10-12 Januari 1992, ms. 260.

²¹ Ibid., ms. 261.

²² Ibid.

kedatangan beramai-ramai kaum India ke Malaysia bagi urusan menghantar wang ke India. Bermula dari tahun 1985, MIC di bawah kepimpinan Dato' Seri S.Samy Vellu telah mula menunjukkan minat untuk mengambil alih UAB dan United Oriental Assurance (UOA) melalui syarikat pelaburan mereka, Maika Holdings. Mereka mula mengadakan rundingan dan berharap kerajaan India akan membenarkan pengambil alihan bank tersebut. Walau bagaimanapun, Maika hanya berjaya mengambil hampir 10% iaitu 3,000 pada harga RM2.00 bernilai RM3.5 juta dan sedang berunding dengan kerajaan India untuk membeli 33.3% milik kerajaan India di bank tersebut pada harga RM5.90 setiap satu.²³ Bagaimanapun bank India berpendapat wang taruhan mereka bernilai lebih daripada RM7.00.²⁴ Ini telah menyebabkan usaha mengambil alih bank tersebut menghadapi masalah ditambah pula lesen untuk bank tidak lagi dikeluarkan. Proses pengambilalihan kurang menarik minat kerana UAB mengalami kerugian.

Struktur gunatenaga kaum India dalam institusi bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar bagi tahun 1980 dan 1990 ditunjukkan Jadual 4.12 dan 4.13. Corak gunatenaga dalam sistem urusan bank bagi kaum India menunjukkan peningkatan dalam semua kategori gunatenaga sejak dari tahun 1980 hingga tahun 1990. Walau bagaimanapun, kategori pekerjaan di peringkat pengurusan atasan, penyertaan India adalah sangat kurang dan hanya meningkat sebanyak enam orang sahaja bagi tempoh sepuluh tahun. Manakala struktur gunatenaga dalam bank-bank saudagar, penyertaan kaum India dalam kategori pekerjaan di peringkat pengurusan atasan hanya meningkat kepada satu orang sahaja dalam tempoh sepuluh tahun. Penglibatan masyarakat India dalam pekerjaan peringkat atasan adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan pekerjaan di peringkat bawahan di institusi kewangan.

²³ "Saving a Venerable Institution", *Asiaweek*, November 9, 1986. ms. 68.

²⁴ Ibid.

Kaum India juga telah terlibat dalam sektor insurans. Jadual 4.14 menunjukkan agihan modal berbayar syarikat insurans yang ditubuhkan di dalam negeri dari tahun 1985 hingga 1990. Jadual tersebut menunjukkan bahawa agihan modal ketiga-tiga kaum tidak bergerak dengan banyak. Agihan modal kaum India pada tahun 1985 adalah 2.5 peratus dan meningkat kepada 3.5 peratus dalam tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, peratusan ini menurun 2.4 peratus dalam tahun 1987. Pola ini juga lebih kurang sama dengan kaum-kaum lain.

Syarikat insurans utama yang dikuasai oleh kaum India adalah United Oriental Assurance Sdn Bhd (UOA) dipengerusikan oleh Tan Sri Kishu Tirathai. Pemegang saham terbesar UOA adalah Maika Holdings iaitu syarikat pelaburan MIC, yang kini memiliki 71.4 peratus hakmilik. Sebelum ini hakmilik Maika Holdings dalam UOA adalah hanya 23 peratus.²⁵ Pada tahun 1994, UOA telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.56 juta.²⁶ Di antara sektor insuran utama yang menghasilkan premium yang tinggi adalah api, kecurian, pembinaan, minyak dan gas. Adalah jelas di sini bahawa syarikat-syarikat milik kaum India mampu mencapai kedudukan yang baik dalam sektor perdagangan jika pelaburan yang dilakukan dibuat dengan teliti.

²⁵ "Maika Holdings to Reduce Stake in UOA", *New Straits Times*, 10.5.95.

²⁶ Ibid.

Jadual 4.12

Struktur Gunatenaga Dalam Institusi Bank-Bank Perdagangan

Kategori	1980					1990				
	Bumi-putra	Cina	India	Lain-lain*	Jumlah	Bumi-putra	Cina	India	Lain-lain*	Jumlah
Kakitangan Pengurusan Kanan	103 (23.1)	261 (28.5)	17 (3.5)	65 (14.6)	446 (100)	179 (38.0)	238 (50.5)	23 (4.9)	31 (6.6)	471 (100)
Kakitangan Penyeliaan	2105 (35.1)	3509 (58.4)	345 (5.7)	46 (0.8)	6005 (100)	7166 (46.1)	7517 (48.3)	777 (5.0)	101 (0.6)	15561 (100)
Kakitangan Perkeranian	4746 (39.2)	6253 (51.6)	1006 (8.3)	107 (0.9)	12112 (100)	11742 (51.2)	9156 (39.9)	1811 (7.9)	216 (0.9)	22925 (100)
Kakitangan Bukan Pekeranian	896 (41.0)	1137 (52.0)	130 (5.9)	23 (1.1)	2186 (100)	701 (36.6)	1029 (53.7)	162 (8.5)	23 (1.2)	1915 (100)
Pekerja Buruh	1925 (67.6)	261 (9.2)	632 (21.9)	39 (1.4)	2848 (100)	2673 (74.5)	196 (5.5)	687 (19.1)	32 (0.9)	3588 (100)
Lain-lain Kakitangan	35 (29.7)	66 (55.9)	15 (12.7)	2 (1.7)	118 (100)	111 (43.5)	110 (43.1)	28 (11.0)	6 (2.4)	255 (100)
Jumlah	9810 (41.4)	11487 (48.4)	2136 (9.0)	282 (1.2)	23715 (100)	22572 (50.5)	18246 (40.8)	3488 (7.8)	409 (0.9)	44715 (100)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Nota: () peratus

* termasuk bukan warganegara Malaysia.

Jadual 4.13

Struktur Gunatenaga Dalam Institusi Bank-Bank Saudagar

Kategori	1980					1990				
	Bumi-putra	Cina	India	Lain-lain*	Jumlah	Bumi-putra	Cina	India	Lain-lain*	Jumlah
Kakitangan Pengurusan Kanan	30 (39.0)	31 (40.3)	4 (5.2)	12 (15.6)	77 (100)	46 (47.4)	41 (42.3)	5 (5.2)	5 (5.2)	97 (100)
Kakitangan Penyeliaan	66 (43.1)	79 (51.6)	5 (3.3)	3 (2.0)	153 (100)	300 (49.4)	278 (45.8)	22 (3.6)	7 (1.2)	607 (100)
Kakitangan Perkeranian	51 (51.0)	43 (43.0)	5 (5.0)	1 (1.0)	100 (100)	173 (55.3)	96 (30.7)	39 (12.5)	5 (1.6)	313 (100)
Kakitangan Bukan Pekeranian	64 (45.7)	71 (50.7)	4 (2.9)	1 (0.7)	140 (100)	166 (62.2)	76 (28.5)	22 (8.2)	3 (1.1)	267 (100)
Pekerja Buruh	58 (81.7)	0 (0.0)	13 (18.3)	0 (0.0)	71 (100)	115 (82.1)	0 (0.0)	25 (17.9)	0 (0.0)	140 (100)
Lain-lain Kakitangan	5 (33.3)	8 (53.3)	2 (13.3)	0 (0.0)	15 (100)	11 (44.0)	12 (48.0)	2 (8.0)	0 (0.0)	25 (100)
Jumlah	274 (49.3)	232 (41.7)	33 (5.9)	17 (3.1)	556 (100)	811 (56.0)	503 (34.7)	115 (7.9)	20 (1.4)	1449 (100)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Nota: () peratus

* termasuk bukan warganegara Malaysia.

Jadual 4.14

Agihan Modal Berbayar Syarikat Insurans Ditubuhkan Dalam Negeri
(RM Juta)

	Dipegang oleh Warganegara Malaysia				Dipegang oleh Bukan Warganegara Malaysia	Jumlah
	Bumiputera	Cina	India	Lain-Lain		
1985	189.0 38.5	104.8 21.4	14.3 2.9	31.6 6.5	150.7 30.7	490.4 100
1986	203.7 38.0	106.3 19.8	18.8 3.5	57.3 10.7	150.5 28.0	536.6 100
1987	211.5 31.1	112.8 16.6	16.2 2.4	121.1 17.8	217.8 32.1	679.3 100
1988	223.9 34.6	131.5 20.4	16.7 2.6	105.5 16.3	168.6 26.1	646.2 100
1989	255.5 38.8	144.2 21.9	17.3 2.6	65.4 9.9	177.0 26.8	659.4 100
1990	274.6 38.1	131.6 18.2	18.0 2.5	84.3 11.7	213.2 29.5	721.7 100

Sumber: Bank Negara Malaysia, Lapuran Tahunan Ketua Pengarah Insurans.

4.2. Masyarakat Perdagangan India

Kemajuan penglibatan kaum India dalam keusahawanan tidak begitu mengalakkkan. Jika dibandingkan dengan kaum Cina yang telah lama berkecimpung dalam bidang tersebut dan Bumiputera yang mendapat bantuan daripada kerajaan di bawah DEB, masyarakat India terus bergiat secara bersendirian dalam bidang perniagaan secara tradisional yang diwarisi sejak dari nenek moyang mereka.

Walaupun DEB dalam objektif-objektifnya menyatakan bahawa peluang-peluang akan diwujudkan tanpa mengira kaum, kaum India telah tidak mendapat faedah daripada objektif-objektif tersebut. Bidang perniagaan utama mereka adalah perdagangan iaitu urusan jual-beli seperti import-export, perniagaan pengedaran buku-buku, ubat-ubatan dan kain. Perniagaan ini dilakukan secara tradisi dan tidak berkembang selaras dengan proses permodenan negara.

Penglibatan mereka dalam sektor perdagangan moden dan berskil besar, kewangan dan sektor industri adalah sangat kurang. Ini dapat dibuktikan melalui hakmilik saham masyarakat India yang kekal pada paras 1 peratus sejak tahun 1970. (Dasar-dasar kerajaan yang telah dilaksanakan tidak memberi peluang kepada kaum India secara langsung untuk bersama-sama menikmati peluang-peluang yang diwujudkan oleh kerajaan. Di antaranya adalah tender-tender kerajaan yang hanya dikhaskan kepada golongan Bumiputera. Selain daripada itu permit-permit dan lesen-lesen pengangkutan awam juga sukar didapati oleh kaum India.)

Peluang kaum India untuk mengembangkan perniagaan mereka juga mendapat halangan daripada bank-bank yang keberatan memberikan pinjaman.) Kebanyakan daripada kaum India bergiat dalam perniagaan kecil dan saiz sederhana kerana tidak terdapatnya peruntukan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Bagi meningkatkan perniagaan kecil-kecilan mereka, mereka memerlukan modal yang banyak di mana hanya boleh didapati daripada pinjaman bank.

Selain daripada itu, latihan keusahawanan adalah kurang kepada mereka yang baru ingin menceburkan diri dalam perniagaan. Tanpa latihan-latihan yang sempurna mereka yang baru menceburkan diri dalam perniagaan tidak akan berjaya. Ia juga menghadkan peluang-peluang bagi usahawan-usahawan baru untuk menceburkan diri dalam perniagaan.

4.3. Usaha-Usaha Meningkatkan Hakmilik Ekuiti

Pada tahun-tahun selepas 1987, iaitu selepas negara melalui zaman kemelesetan ekonomi, negara telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat. Peningkatan ini bukan sahaja dalam ekonomi Malaysia tetapi juga dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Pertumbuhan ekonomi pada tahun 1989 menunjukkan peningkatan pada kadar 7.9 peratus iaitu satu kadar yang sangat mengalakkan. Kesan daripada kadar pertumbuhan ini, adalah hasil dari kemajuan syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Peningkatan nilai pasaran modal memainkan peranan penting dalam agihan ekuiti korporat Malaysia. Oleh kerana penglibatan yang kurang di kalangan masyarakat India dalam ekuiti korporat Malaysia terutama pemilikan pada saham-saham yang disenaraikan maka mereka mengalami kehilangan yang begitu besar hasil daripada peningkatan pasaran modal di syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam BSKL.

Kerajaan melalui Kongres India Malaysia (MIC) iaitu parti politik masyarakat India dan parti komponen Barisan Nasional telah cuba mengatasi masalah ini. MIC telah ditubuhkan pada 4 Ogos 1946 dan menjadi parti yang tertua dalam Barisan Nasional apabila UMNO dikatakan tidak sah. Ia mempunyai keahlian seramai 270,000.²⁷ Kongres India Malaysia (MIC) merasakan perlunya campurtangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan Barisan Nasional telah menawarkan saham-saham kepada golongan India dalam usaha mereka membantu meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India Malaysia.

(Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara dalam usaha-usahanya membantu parti komponennya MIC dengan cara menawarkan saham-saham syarikat-syarikat baru diswastakan seperti MAS dan Telekom kepada masyarakat India. Di

²⁷ *Far Eastern Economic Review*, 7.6.1990.

antara usaha kerajaan di dalam meningkatkan pemilikan saham kaum India adalah seperti berikut:

- a) Dengan menawarkan 10 peratus saham TV3 kepada Maika Holdings.
- b) Dengan memperuntukan 500,000 saham-saham MAS kepada golongan India.
- c) Dengan memperuntukan 500,000 saham-saham MISC kepada golongan India.
- d) Dengan menawarkan saham-saham Telekom bernilai 10 juta kepada Maika Holding.

Melalui penawaran saham-saham kepada golongan India, kerajaan berharap agar pemilikan saham oleh kaum India akan bertambah. Walau bagaimanapun, perkara itu tidak menjadi kenyataan. Pemilikan saham kaum India masih kekal pada paras 1 peratus pada tahun 1990. Ini ditambah pula dengan masalah skandal saham Telekom.

4.4. Ajensi Pelaburan Kaum India

Penglibatan MIC untuk membantu masyarakat India menjadi lebih penting dengan penubuhan National Land Finance Cooperative Society (NLFCS), Syarikat Kerjasama Nesa Pelbagai Bhd (NESPA) pada tahun 1974, Koperasi Belia Majujaya (M) Bhd, pada tahun 1977 dan Koperasi Pekerja Jaya (KPJ) pada tahun 1979. MIC juga telah menubuhkan Unit Trusts Berhad, yang memegang amanah bagi Malaysian Institute For Educational Development (MIED), Maika Holding dan penglibatan dalam perniagaan. Semua perniagaan ini telah ditubuhkan selepas tahun 1970 kecuali NLFCS yang ditubuhka sebelum DEB.

Walau bagaimanapun, pemilikan masyarakat India masih kekal pada paras 1 peratus selepas tamatnya DEB. Dalam bahagian ini analisa akan dibuat untuk melihat

peranan MIC melalui ajensi-ajensi pelaburannya berusaha meningkatkan angka 1 peratus masyarakat India.

4.4.1. National Land Finance Cooperative Society (NLFCS)

National Land Finance Cooperative Society (NLFCS) telah ditubuhkan pada 14 Mei 1960 oleh Tun V.T.Sambanthan pada ketika beliau adalah Presiden Parti MIC. Ia adalah bertujuan untuk mengatasi masalah ketiadaan tanah dan pekerjaan oleh pekerja-pekerja estet. Majoriti pekerja-pekerja estet yang bekerja di ladang-ladang terutamanya ladang-ladang getah tidak mempunyai tanah kerana pada masa itu kebanyakan daripada ladang-ladang dimiliki oleh pihak British. NLFCS merasakan mereka perlu melibatkan diri mereka dalam bidang perladangan kerana kebanyakan daripada masyarakat India pada ketika itu bekerja di ladang-ladang dan seterusnya untuk menjaga kepentingan masyarakat India.

NLFCS adalah organisasi terbesar masyarakat India Malaysia dengan modal berbayar hampir RM100 juta dan aset-aset bernilai hampir RM200 juta. Estet-estet milik asing, kejatuhan harga getah menyebabkan kebanyakan pekerja-pekerja ladang tiada tempat tinggal dan menganggur menyebabkan ramai masyarakat India miskin. Perkara ini menyebabkan terbentuknya NLFCS pada 14 Mei bagi mengatasi masalah masyarakat India Malaysia.

Pada permulaannya, sumber kewangan NLFCS adalah melalui penawaran saham-saham awam. Sumber kewangan ini dikutip dari estet-estet terutamanya di luar bandar di mana terdapat ramai masyarakat India yang miskin. Setiap seorang ahli yang membayar sebanyak RM100 akan mendapat 100 unit saham yang akan dibayar dividen. Selain daripada ekuiti, pinjaman bank juga dilakukan untuk membeli estet-estet.

Sehingga bulan Julai 1960, NLFCS telah berjaya mengumpul seramai 15,000 orang ahli dan mengumpul modal sebanyak RM1.7 juta. Pembelian pertama yang dilakukan adalah estet Bukit Sidin di Kedah dengan harga RM3.3 juta di mana baki harga pembelian tersebut dibayar dengan pinjaman bank.²⁸

Pencapaian NLFCS adalah sangat pesat sejak dari penubuhannya. Sambutan yang diberikan oleh pekerja-pekerja estet adalah sangat mengalakkkan. Pada pertengahan tahun 1980an, keahlianya telah bertambah kepada 75,000 orang dengan modal sebanyak RM90.87 juta dan jumlah aset bernilai RM212 juta.²⁹

Dari segi pentadbiran, NLFCS mempunyai pekerja di antara 500 hingga 600 orang pekerja, Pemilihan ahli Lembaga Pengarah dilakukan melalui pemilihan undi secara demokrasi dimana pada mesyuarat agung tahunan delegasi akan memilih Ahli Lembaga Pengarah. CEO yang dilantik adalah bertanggungjawab terhadap Ahli Lembaga Pengarah. Walau bagaimanapun, oleh kerana negara mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun 1985, kejatuhan harga semua komoditi telah menyebabkan NLFCS mengalami kerugian sebanyak RM9.487 juta dalam tahun 1985 dan meningkat kepada RM13,247 juta dalam tahun 1986.³⁰ Ini ditambah pula dengan hutang sebanyak RM75 juta yang ditanggung oleh NLFCS. Ini telah menyebabkan NLFCS terpaksa menjual sebahagian daripada aset-aset mereka untuk mengurangkan hutang mereka.³¹

²⁸ Gomez, Edmund Terence, "Corporate Involvement of Political Parties in Malaysia", Thesis Ph.D., IPT, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1992. ms. 471.

²⁹ *Business Times*, 21.6.88 dalam Gomez, Edmund Terence, "Corporate Involvement of Political Parties in Malaysia", Thesis Ph.D., IPT, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992. ms. 472.

³⁰ *Utusan Malaysia*, 9.8.87 dalam Gomez, ms. 475.

³¹ *Business Times*, 21.6.88 dalam Gomez, ms. 475.

4.4.2. MAIKA Holdings Berhad

Maika Holdings Bhd telah ditubuhkan kerana statistik kerajaan menunjukkan bahawa penyertaan pemilikan kaum India dalam sektor koperat Malaysia masih tidak berubah iaitu 1 peratus. Maika Holdings Berhad (MHB) telah ditubuhkan berasaskan usaha bersama sosio-ekonomi bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup kaum India Malaysia. Syarikat ini berfungsi sebagai perniagaan tetapi objektif utamanya adalah untuk meningkatkan saham kaum India Malaysia dalam sektor koperat di Malaysia. Penduduk India Malaysia merangkumi 10 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia tetapi saham dalam sektor koperat mereka adalah tidak berubah selama 15 tahun iaitu 1 peratus. Melalui angka 1 peratus ini boleh dikatakan kedudukan ekonomi kaum India tidak berubah sejak dari tahun 1960an secara relatif kepada penduduk dan perkembangan ekonomi. Oleh kerana itu adalah mustahil bagi kaum India mencapai 10 peratus daripada jumlah hakmilik saham seperti yang telah ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru. Ini jelas menunjukkan bahawa DEB telah gagal dalam dasar-dasarnya menyusun semula masyarakat dalam membahagikan semula kekayaan negara kursusnya terhadap kaum India Malaysia. Masalah ini harus diatasi dengan segera kerana kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India tidak meningkat berbanding dengan kaum-kaum lain. Datuk Seri S.Samy Vellu merasakan perlu satu organisasi yang berbentuk perniagaan supaya dapat membantu perkembangan ekonomi kaum India.

Masalah ini harus diatasi dengan segera dan dengan di atas daya usaha Dato' Seri S. Samy Vellu, bersama-sama dengan kumpulan-kumpulan yang terdiri daripada ahli politik, profesional dan usahawan telah berjaya melahirkan Maika Holdings Berhad. Maika Holdings Berhad (MHB) telah ditubuhkan pada September 13, 1982. MHB menggunakan konsep yang digunakan oleh Permodalan Nasional Berhad dan

Amanah Saham Nasional sebagai pemegang amanah kaum India dan Tan Sri Selvarajah sebagai pengurus MHB. Manakala lembaga pengarah terdiri dairpada ahli-ahli perniagaan yang berjaya dan ahli-ahli profesional.

Modal permulaan datangnya daripada 50 pelabur berpotensi dalam parti yang mempunyai 700 cawangan di mana setiap satu menyumbang sebanyak RM1,000. Permohonan untuk pemilikan saham telah dibuka pada April 13, 1984. Pada permulaanya sebanyak 50 juta saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu telah dikeluarkan. Tetapi oleh kerana reaksi dan sambutan dari orang ramai yang begitu mengalakkan, modal berbayar telah bertambah kepada RM100,000,000 pada Ogos 15, 1984. Pada masa itu terdapat lebih daripada 66,000 pemegang saham. Pada tahun pertama operasinya iaitu 1984, iaitu pada 4 bulan pertama, MHB telah mendapat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.2 juta. Ini adalah tanda baik terhadap pertumbuhan dan perkembangan MHB seterusnya.

Pada tahun pertama penubuhannya, Maika telah menujuhkan beberapa syarikat subsidari iaitu Syarikat Pembinaan Maika Sdn Bhd dan Sri Vijaya Development Sdn Bnd, telah memohon sebidang tanah di Teluk Panglima Garang dan pelaburan sebanyak RM1 juta dalam TV3.³² Syarikat-syarikat lain yang ditubuhkan selepas itu boleh dilihat dalam Jadual 4.15.

³² Business Times 17.5.85 dalam Gomez ms. 490-191.

Jadual 4.15
Syarikat Kawalan Maika Holdings Pada Tahun 1991

Syarikat	Aktiviti	Pemilikan
Maika Commodities (M) Sdn Bhd	Broker Komoditi	100
Maika Corporate Service Sdn Bhd	Perkhidmatan Pengurusan	100
Maika Systems Sdn Bhd	Komputer	100
Maika Manufacturing & Mkt. Sdn Bhd	Pengeluaran Minuman Ringan	100
Maika Underwriting Agency Sdn Bhd	Insurance	100
Suriavathi Sdn Bhd	Holding Pelaburan dan perniagaan	100
Sykt Pembinaan Maika Sdn Bhd	Pembinaan	100
Maika Rubber Products Sdn Bhd	Pengeluaran barang getah	100
Maika Trading Corporation Sdn Bhd	Perniagaan Awam	100
Advista Sdn Bhd	'Dormant'	100
Wood Vision Sdn Bhd	'Dormant'	100
M & P Overseas Trading Corp. Sdn Bhd	'Dormant'	51
Petromic Sdn Bhd	'Dormant'	100
Asian Holdings Sdn Bhd	Pelaburan & Pengurusan Hartanah	94
Asian Holdings Agencies Sdn Bhd	'Dormant'	94
Asian Industrial & Marketing Sdn Bhd	Perniagaan awam	94
Syarikat Pembinaan Mars Maju Sdn Bhd	Holding Pelaburan	100
Anthonian Store Sdn Bhd	Pengedar Buku	89.9
Anthonian Distributors Sdn Bhd	'Dormant'	89.9
Anthonian Publishing Sdn Bhd	'Dormant'	79.1
Anthonian Family Circle Sdn Bhd	'Dormant'	89.9
Anthonian Educational Centre Sdn Bhd	'Dormant'	89.9
Anthonian Management Sdn Bhd	'Dormant'	89.9
Anthonian Paper Products Sdn Bhd	'Dormant'	89.9
Penerbit Tunas (Malaysia) Sdn Bhd	'Dormant'	89.9
Pusat Bahan Sumber Sdn Bhd	'Dormant'	53.9

Sumber: Laporan Tahunan Maika Holdings Berhad, 1991.

Kemelesetan ekonomi dunia yang dialamai oleh Malaysia pada tahun 1985 telah memberi kesan kepada kebanyakan industri-industri negara ini. Pertumbuhan ekonomi negara mengalami kelembapan. Ini ditunjukkan oleh Jadual 4.16 di mana kadar pertumbuhan ekonomi negara telah jatuh ke paras -1.0 peratus pada tahun 1985. Ini diikuti dengan pertumbuhan positif tetapi perlahan dari tahun 1986 hingga 1987. Keadaan ekonomi negara kembali pulih pada tahun 1988.

Maika Holding tidak terkecuali daripada menghadapi kesan kelembapan ekonomi negara. Pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan tidak mendapat pulangan yang memuaskan. Jadual 4.17 menunjukkan Maika Holding mendapat keuntungan

bagi tiga tahun selepas penubuhannya. Dalam tahun-tahun 1984, 1985 dan 1986, keuntungan Maika Holdings adalah RM4.2 juta, RM9.2 dan RM3.17 juta. Selepas itu Maika Holding terus mengalami kerugian dan kerugian ini semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ini seterusnya menyebabkan dividen yang dikemukakan adalah sangat kurang. Hanya pada tahun 1985, 1986 dan 1988 dividen dibentangkan dan diagihkan kepada pemilik saham.

Ramai di antara masyarakat perdagangan India telah mendapatkan pinjaman terutamanya daripada bank UAB untuk membeli saham-saham Maika pada harga RM1.00 pada ketika itu. Walau bagaimanapun, dengan pulangan pelaburan yang rendah mengakibatkan mereka tidak dapat menyelesaikan hutang mereka. Para pelabur telah menunggu hampir 11 tahun untuk mendapatkan pulangan. Timbul persoalan di sini jika mereka melabur RM1,000 dalam simpanan tetap pada tahun 1984, kini mereka akan menerima pulangan yang lebih daripada melabur dalam saham Maika. Masyarakat India yang berharap dapat mengubah nasib mereka telah kembali kepada keadaan yang asal. Tambahan pula kini mereka terpaksa menanggung beban yang lebih akibat daripada hutang yang bertambah.

Pelaburan dalam saham-saham seperti TV3 dan MAS telah memberi keuntungan kepada Maika Holding berbanding dengan lain-lain pelaburan kecuali UOA iaitu syarikat insuran di mana Maika mengawal 71 peratus ekuiti.

Jadual 4.16

Kadar Pertumbuhan Ekonomi Malaysia (KDNK)
(%)

Tahun	Kadar Pertumbuhan
1970	n.a
1971	3.4
1972	9.4
1973	11.7
1974	8.3
1975	0.8
1976	11.6
1977	7.8
1978	6.7
1979	9.3
1980	7.4
1981	6.9
1982	5.9
1983	6.3
1984	7.8
1985	-1.0
1986	1.2
1987	5.3
1988	8.9
1989	8.8
1990	8.7
1991	8.7
1992	7.8
1993	8.2
1994	8.7
1995	8.9

Sumber: Wharton Econometric Forecasting Associates, Philadelphia
Malaysia (1970-1995) *Laporan Ekonomi*, Kementerian Kewangan, Kuala Lumpur.

Jadual 4.17
Prestasi Kumpulan Maika Holdings Sejak Penubuhannya

Tahun	Keuntungan/(Kerugian)	Dividen
1984	RM4.2 juta	-
1985	RM9.2 juta	RM0.03
1986	RM3.17 juta	RM0.05
1987	(RM535,025)	-
1988	(RM521,000)	RM0.03
1989	(RM3.09 juta)	-
1990	(RM4.69 juta)	-
1991	(RM5.29 juta)*	(RM2.6 juta)**
1992	(RM5.62 juta)*	-

Nota: Kerugian Sebelum Cukai

Sumber: Laporan Tahunan MAIKA dan The Star 10.10.92

Belum reda dengan masalah kerugian yang dihadapi oleh Maika, timbul pula isu penawaran saham Telekom oleh kerajaan kepada Maika untuk kaum India. Kerajaan telah menawarkan saham Telekom yang bernilai 10 juta daripada Syarikat Telekom Malaysia yang baru diswastakan. Saham tersebut telah ditawarkan oleh kerajaan pada 1990 tetapi hanya dalam tahun 1992 diketahui ramai jumlah sebenar yang ditawarkan untuk kaum India melalui Maika Holdings.

Kontroversi tersebut telah menyebabkan campurtangan Badan Pencegah Rasuah selepas Lim Kit Siang dari DAP dalam perbahasannya di Parlimen membangkitkan perkara ini. Walau bagaimanapun, Badan Pencegah Rasuah mendapati bahawa Samy Vellu tidak melakukan perkara yang bercanggah di sisi undang-undang berhubung dengan isu saham.

Adalah diharapkan Maika Holding telah membuat pelaburan yang baik daripada saham Telekom tersebut. Samy Vellu menyatakan bahawa penjualan saham Telekom adalah bertujuan untuk membuat pelaburan dalam pendidikan iaitu di TAFE

College di Seremban. Jika pelaburan tersebut dibuat dalam pendidikan, ia adalah sangat baik kerana dapat memberi peluang kepada masyarakat India terutamanya generasi muda supaya lebih banyak tenaga mahir kaum India dapat dilahirkan untuk mencapai Wawasan 2020 negara. Melalui pendidikan yang baik, mereka boleh meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka dan seterusnya keluar daripada lingkaran ganas kemiskinan. Selain daripada itu mereka dapat memperolehi kemahiran profesional daripada kolej tersebut.

Selepas isu saham Tenaga reda, Maika Holding masih tidak mencatatkan keuntungan yang menggalakkan. Laporan terbaru berhubung dengan Maika Holding diketahui bila berlangsungnya Mesyuarat Agung Tahunan Maika ke 12.³³ Maika Holding terus mencatatkan keuntungan yang kurang atau mengalami kerugian seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 4.18.

Jadual 4.18
Maika Holding: Keuntungan Mengikut Aktiviti

	1993		1994	
	Pusingan	Untung/(Rugi)	Pusingan	Untung/(Rugi)
	RM	RM	RM	RM
Insuran	-	-	35,121,740	4,565,100
Komoditi	1,603,940	408,209	1,942,917	437,935
Pelaburan	100,487,501	9,543,693	50,058,853	632,280
Hartanah	300,277	(356,032)	522,669	(412,032)
Pembuatan	237,176	296,858	573,892	(1,727,168)
Perdagangan Am	14,781,413	(3,684,172)	7,466,933	(1,482,412)
Perlادangan	1,575,198	845,050	2,187,454	1,374,314
Lain-lain	32,538	(214,147)	24,722	(37,248)
Jumlah	119,018,043	6,839,459	97,899,180	3,350,769

Sumber: Laporan Tahunan Maika, dalam *Malaysian Business*, Jun 1, 1995, ms. 24.

³³ Mesyuarat Agung Tahunan Maika ke 12 telah diadakan pada 19 Mei 1995 di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

Keuntungan yang kurang adalah hasil daripada pelaburan dalam saham-saham syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Ini adalah akibat daripada kejatuhan harga-harga saham dalam BSKL telah menyulitkan Maika Holdings mendapatkan keuntungan yang besar. Dalam tahun 1993, keuntungan daripada syarikat pelaburan/holding adalah berjumlah RM9.54 juta tetapi dalam tahun 1994, keuntungan yang diperolehi adalah kerugian kepada RM0.63 juta sahaja. Syarikat pelaburan/holding yang terlibat dalam perdagangan saham bagi Maika Holding adalah Suriavathi Sdn. Bhd dan syarikat tersebut telah mencatatkan keuntungan yang kurang.³⁴

Lain-lain kumpulan perdagangan seperti pembuatan yang mencatatkan keuntungan dalam tahun 1993 telah mengalami kerugian dalam tahun 1994. Kumpulan perdagangan hartanah dan perdagangan am terus mengalami kerugian (Jadual 4.18). Pertanian, komoditi dan insuran telah menunjukkan pencapaian keuntungan yang baik. Insuran terutamanya mempunyai potensi yang besar dimana Maika Holding mempunyai 71 peratus ekuiti.³⁵

Maika Holdings adalah syarikat pelaburan MIC dan penglibatan politik dalam Maika Holdings memang tidak dapat dinafikan. Ini terbukti dengan daya usaha Samy Vellu, Maika Holdings telah memperolehi sebidang tanah di Banting, Selangor dan 10 juta saham Telekom Malaysia bila ia disenaraikan pada tahun 1990.³⁶

4.5. Kesimpulan

Oleh kerana kaum India tidak dapat meningkatkan pemilikan mereka dalam sektor koperat, kerajaan telah campurtangan untuk mengatasi masalah mereka.

³⁴ *Malaysian Business*, June 1, 1995. ms. 21.

³⁵ Ibid., ms. 24.

³⁶ Ibid.

Kerajaan Barisan Nasional sering membantu parti-parti komponen mereka terutamanya untuk membantu meningkatkan taraf hidup penduduk. MIC sebagai salah satu komponen Barisan Nasional telah berusaha membantu masyarakat India yang ketinggalan. Penglibatan MIC dalam bidang keusahawaan adalah satu perkara yang baik sebagaimana campurtangan UMNO untuk membantu masyarakat Bumiputera.

Walau bagaimanapun, penglibatan kerajaan dan MIC dalam bidang keusahawaan tidak banyak membantu masyarakat India dalam meningkatkan angka satu peratus hak milik ekuiti. Usaha kerajaan bagi meningkatkan angka satu peratus kepada sepuluh peratus bagi masyarakat India adalah agak mustahil dan tidak tercapai. Dalam tahun 1994 angka tersebut masih kekal pada paras yang hampir sama. Manakala itu, kaum Bumiputera dan Cina terus mencapai kejayaan yang memberangsangkan jika dibandingkan dengan kaum India.

Manakala usahawan-usahawan persendirian yang menjalankan perniagaan adalah secara kecil-kecilan dan menggunakan cara-cara tradisional dalam perniagaan mereka. Tidak ada perkembangan atau pembaharuan dalam perniagaan yang dilakukan sejak dari zaman kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu. Perniagaan pada hari ini memerlukan pembaharuan mengikut cita rasa pengguna semakin berubah dengan pejabat-pejabat dan kedai-kedai yang lebih baik. Pengusaha-pengusaha lain memperbaiki perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna sedangkan pengusaha India masih kekal seperti asal.

Jawatan-jawatan penting atau tinggi dalam sektor-sektor koperat adalah sangat kurang dipegang oleh kaum India. Ini adalah kerana keutamaan kuota jawatan tinggi bukan bumiputera diberikan kepada masyarakat Cina jika dibandingkan dengan masyarakat India.

Penglibatan MIC dalam perdagangan untuk meningkatkan ekuiti masyarakat India juga tidak menunjukkan sebarang kemajuan dengan Maika Holding terus tidak mencatatkan keuntungan yang menggalakkan. Pelabur-pelabur dalam saham Maika Holdings iaitu berjumlah kira-kira 64,000 orang tidak mendapat pulangan seperti yang diharapkan sejak dari tahun 1984.

Di sini boleh dibuat generalisasi bahawa pembahagian kekayaan negara terhadap masyarakat India tidak berlaku secara adil. Dasar kerajaan yang ingin mengagihkan kekayaan negara mengikut kaum tidak berjaya dengan pemilikan ekuiti masyarakat India kekal pada paras 1 peratus. Masyarakat India itu sendiri juga harus menyalahkan diri mereka kerana tidak berjaya mengambil peluang-peluang yang telah disediakan oleh kerajaan.